DISOL TABLETS

Bromhexine hydrochloride (8mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DISOL
2. Bagaimama DISOL berfungsi
3. Sebelum menggunakan DISOL
4. Cara menggunakan DISOL
5. Semasa menggunakan DISOL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DISOL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DISOL

DISOL digunakan untuk melegakan pernafasan dengan kahak yang berlebihan atau susah dikeluarkan.

Bagaimana DISOL berfungsi

Bromhexine hydrochloride membantu mencairkan dan melonggarkan kahak pekat di saluran pernafasan.

Sebelum menggunakan DISOL

- *Bila tidak boleh menggunakan*

  Jangan menggunakan DISOL jika anda atau anak anda mempunyai alahan kepada bromhexine atau sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- *Sebelum menggunakan DISOL*

  Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat. Ia tidak boleh digunakan semasa tiga bulan pertama kehamilan atau semasa penyusuan melainkan dinasihatkan oleh doktor.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

  Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

  Ubat-ubatan yang boleh mengganggu DISOL adalah antibiotik.

Cara menggunakan DISOL

- *Berapa banyak harus digunakan*
  - Dewasa dan kanak-kanak berumur > 12 tahun: 1 biji tablet, untuk diambil tiga kali sehari.
  - Kanak-kanak berumur 6 – 12 tahun: ½ biji tablet, untuk diambil tiga kali sehari.
  - Kanak-kanak berumur 2 – 6 tahun: ½ biji tablet, untuk diambil 2 kali sehari.
  - Ia mungkin perlu untuk meningkatkan jumlah dos harian sehingga 6 biji tablet pada orang dewasa.

- *Bila perlu digunakan*

  DISOL perlu diambil 2-3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

  Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika anda terlupa menggunakan*

  Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

  Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan DISOL

- *Perkara yang perlu dilakukan*

  Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DISOL.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

  Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

  Jangan memberi DISOL kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

  Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

DISOL boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan DISOL dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang simptom berikut:

1. Alahan yang teruk: kesukaran bernafas, pening, pembengkakan kulit atau ruam
2. Reaksi kulit yang teruk: kemerahan kulit, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicine (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

DISOL TABLETS

Bromhexine hydrochloride (8mg)

Cara penyimpanan dan pelupusan DISOL

- *Penyimpanan*
  Simpan di bawah suhu 30°C.

- *Pelupusan*
  Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*
  Tablet bulat, cembung, berwarna kuning muda, dengan logo Siam pada satu belah dan berskor di sebelah lagi.

- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan aktif
    Bromhexine hydrochloride

  - Bahan tidak aktif
    Lactose monohydrate, starch, sodium starch glycolate, magnesium stearate, quinolone yellow.

- *Nombor MAL*
  MAL19913329XZ

Pengilang

SIAM BHEASACH CO., LTD.
123 Soi Chokechairuammitr, Vibhavadi-Rangsit Road, Chomphon, Chatuchak, Bangkok 10900.

Pemegang Pendaftaran Produk

SPG PHARMA (MALAYSIA) SDN. BHD.,
Suite 1701, Block A, Damansara Intan e-Business Park,
No. 1, Jalan SS20/27, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/06/2024

No. Siri RiMUP

NPRA(R4/1)040624/00065